



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MINISTRY OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA

ARAS 35, KOMPLEKS KKMM
LOT 4G9 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA,

Telefon : 03-8911 5254
Faksimili : 03-8911 5885
Laman Web: www.kkmm.gov.my

Ruj. Kami : KKMM. 100-1/6/1 JLD.2 (18)
Tarikh : 26 April 2022

Seperti senarai edaran

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PERAKAUNAN DAN PEMBAYARAN
PERKHIDMATAN TENAGA KREATIF *PIECEMEAL*

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini menerangkan tatacara perakaunan dan pembayaran perkhidmatan tenaga kreatif *Piecemeal* Kontrak/ Gaji dan *Piecemeal* Program/ Artis **bukan penjawat awam** yang dilantik bagi melaksanakan program penyiaran di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan semasa dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan, setiap kementerian perlu memastikan semua bayaran dapat dilaksanakan dengan teratur, cepat dan berkesan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 2.2 Isu pembayaran tanpa kuasa/ pembayaran salah/ pembayaran yang tidak sepatutnya (*improper payment*)/ pembayaran lewat bagi pembayaran *piecemeal* RTM sering kali dibangkitkan dalam penemuan audit dalaman K-KOMM dan naziran Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Antara punca yang dikenal pasti ialah ketiadaan satu garis panduan pembayaran serta rujukan kadar yang selaras dan seragam digunakan oleh semua urus setia/ Penerbit Rancangan/ Pengurus Bahagian. Justeru, garis panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan dan langkah kawalan dalaman bagi memastikan proses pembayaran adalah teratur, mematuhi peraturan kewangan berkuat kuasa dan diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan. Garis panduan ini juga akan digunakan oleh semua Pejabat Perakaunan bagi menyemak bayaran *piecemeal* oleh PTJ K-KOMM.

3. KATEGORI LANTIKAN *PIECEMEAL*

3.1 *Piecemeal* ialah pekerja bakat dan seni yang diambil untuk bertugas di Jabatan Penyiaran Malaysia yang dilantik berdasarkan kategori berikut:

3.1.1 Kontrak Perkhidmatan/ *Contract of Service* (COS)

COS adalah perkhidmatan yang mengguna pakai skim perkhidmatan, gred dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkhidmatan Awam. Kontrak Perkhidmatan ini mula ditawarkan pada 1 April 2021 kepada sebilangan kakitangan berstatus '*piecemeal*' di RTM. Peraturan yang dirujuk ialah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008: Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*).

3.1.2 *Piecemeal* Kontrak/ Gaji

Pegawai diberi kontrak bagi tempoh setahun untuk melaksanakan tugas seperti penyampai berita, editor, pereka, krew penerbitan dan seumpamanya. Pembayaran adalah berdasarkan kadar bayaran ditetapkan dalam Surat Pelantikan *Piecemeal* / Surat

Pelanjutan *Piecemeal* yang merujuk kepada kadar kelulusan Kementerian Kewangan.

3.1.3 *Piecemeal* Program/ Artis

Terdiri daripada tenaga kreatif dan tokoh/ pakar budaya seperti pengacara, artis seni, pelakon, pelawak, penyampai rancangan, komposer, peserta pertandingan, orang yang ditemuramah dan seumpamanya. Kadar bayaran adalah tertakluk kepada kadar siling kelulusan Kementerian Kewangan/ Pihak Berkuasa Melulus (PBM)/ Jawatankuasa Penilaian RTM.

3.2 Garis panduan ini hanya meliputi tatacara pembayaran bagi *piecemeal* kategori 3.1.2 dan 3.1.3 sahaja, manakala pembayaran bagi kategori 3.1.1 adalah diproses melalui Sistem Gaji Berkomputer (HCM).

4. PERATURAN BERKUATKUASA

4.1 Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 bertajuk Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan.

- 4.2 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018: Tatacara Pengurusan Bayaran.
- 4.3 Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022: Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan.
- 4.4 Manual Prosedur Kerja iGFMAS MPK AP-01: Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan.
- 4.5 Manual Pengguna Sistem iGFMAS - Modul Akaun Bayaran.

5. **KADAR BAYARAN *PIECEMEAL***

- 5.1 Pembayaran *piecemeal* hendaklah dibuat berdasarkan kelulusan kadar yang berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - 5.1.1 Pekeliling Pentadbiran Kementerian Penerangan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2003 bertajuk Kadar Bayaran Baru Untuk Artis Berjadual/ *Piecemeal* di Jabatan Penyiaran Malaysia, berkuat kuasa pada 1 April 2003;
 - 5.1.2 Surat Kementerian Kewangan KK/BP/WA1/14/547/1(10) bertajuk Kadar Bayaran Siling Yang Baru Kepada

Pekerja Bakat Dan Seni (Artis Berjadual) Jabatan Penyiaran Malaysia yang bertarikh 16 Oktober 2008;

5.1.3 Surat Kementerian Kewangan KK/BPA/WA1/10/05/547/1 sk.4/2014(10) bertajuk Kelulusan Kadar Khas Bayaran Artis Secara *One Off* yang bertarikh 14 November 2014;

5.1.4 Surat Kementerian Kewangan bil. MOF.PAM.600-29/45/10(20) bertajuk Kelulusan Kadar Khas Bayaran Baharu Artis – Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) yang bertarikh 24 September 2019; dan

5.1.5 Surat kelulusan Kementerian Kewangan yang dikeluarkan berdasarkan permohonan RTM dari semasa ke semasa.

5.2 Ringkasan kadar bayaran siling yang telah diluluskan untuk setiap kategori seni kreatif/ ilmunan/ kepakaran berdasarkan surat kelulusan MOF.PAM.600-29/45/10(20) bertarikh 24 September 2019, surat kelulusan Kementerian Kewangan KK/BP/WA1/14/547/1(10) bertarikh 16 Oktober 2008 dan Pekeliling Pentadbiran Kementerian Penerangan Malaysia Bil. 2/2003 bertarikh 1 Apr 2003 adalah seperti di **Lampiran A. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kadar baharu yang diluluskan, maka kadar baharu adalah berkuat kuasa.**

5.3 Selain daripada jadual kadar yang telah diluluskan, penilaian dan perakuan Jawatankuasa Penilaian adalah diperlukan untuk kelulusan PBM seperti ketetapan WP 10.9. **PBM/ Jawatankuasa Penilaian RTM adalah bertanggungjawab menetapkan kadar bayaran bersesuaian dengan mengambilkira peruntukan kewangan dan kriteria bintang/ gred *piecemeal* yang dilantik.**

6. TATACARA PEMBAYARAN *PIECEMEAL*

6.1 Pemohon perlu mengemukakan Borang Tuntutan Bayaran *Piecemeal* (BPBS 1) seperti di **Lampiran B(i)** berserta dengan dokumen sokongan seperti yang berikut:

(1) *Piecemeal* Kontrak/ Gaji

- (i) Surat Pelantikan *Piecemeal* / Surat Pelanjutan *Piecemeal* (di mana berkaitan);
- (ii) Salinan Kad Pengenalan;
- (iii) Salinan akaun bank/ penyata bank terkini (pastikan **nama & nombor kad pengenalan** adalah sama seperti di akaun bank/ penyata bank);

- (iv) Kad Perakam Waktu/ Penyata Kehadiran/ Jadual Kedatangan (*Call Sheet*); dan
- (v) Surat arahan kerja luar (jika berkaitan).

(2) *Piecemeal Program/ Artis*

- (i) Borang Kontrak Artis;
- (ii) Salinan Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran dan Salinan Kad Pengenalan ibu/ bapa /penjaga bagi kanak-kanak yang belum mempunyai kad pengenalan;
- (iii) Salinan akaun bank/ penyata bank terkini/ salinan akaun bank/ penyata bank terkini ibu/ bapa/ penjaga (yang diakui sah) sekiranya *piecemeal* adalah kanak-kanak dan tidak mempunyai akaun bank (pastikan **nama & nombor kad pengenalan** adalah sama seperti di akaun bank/ penyata bank);
- (iv) Surat/ borang perakuan penjaga yang sah sekiranya pembayaran perlu dibuat kepada penjaga *piecemeal* kanak-kanak;
- (v) Jadual Kedatangan (*Call Sheet*); dan
- (vi) Salinan keputusan PBM dan Jawatankuasa Penilaian RTM **sekiranya kadar bayaran selain daripada kadar yang telah diluluskan.**

- 6.2 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab memastikan semua dokumen sokongan serta borang-borang berkaitan dilengkapi dan diserahkan kepada Unit Akaun RTM untuk tujuan bayaran. Dokumen perlu dikemukakan **selewat-lewatnya 10 haribulan bulan berikutnya** bagi *piecemeal* kontrak/ gaji dan **selewat-lewatnya 14 hari** daripada tarikh perkhidmatan disempurnakan bagi *piecemeal* program/ artis.
- 6.3 PTJ hendaklah memastikan bayaran dapat disempurnakan dalam **tempoh tiga hari kalendar** daripada tarikh dokumen lengkap diterima.
- 6.4 Sebagai langkah kawalan dalaman bagi memastikan *piecemeal* Program/ Artis yang telah melaksanakan perkhidmatan dapat dibayar sewajarnya dan dalam jangka waktu ditetapkan, pihak penganjur hendaklah mengemukakan Salinan kelulusan PBM/ Jawatankuasa Penilaian dan Senarai Lengkap *Piecemeal* mengikut Program/ Rancangan seperti contoh format di BPBS 2 (rujuk **Lampiran B(ii)**).

7. TATACARA PERAKAUNAN *PIECEMEAL*

- 7.1 Kod Carta Akaun Asas Akruan yang digunakan ialah **B0229127: Perkhidmatan Seniman, Pelukis, Pemuzik dan Penulis.**

- 7.2 Pembayaran diproses di iGFMS melalui modul Arahan Pembayaran, di bawah sub-modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan dan jenis Arahan Pembayaran Invois Tanpa PT.
- 7.3 Sekiranya kod pembekal tidak wujud dalam sistem iGFMS, pewujudan kod vendor perlu dibuat di portal iGFMS modul Data Induk di bawah sub-modul Maklumat Pembekal. Kod Pembekal yang perlu digunakan ialah PANS (Payee Non-Supplier) dengan kod 14 siri (1400000000 – 1499999999). **Penggunaan Kod Vendor OTV 10009 adalah tidak dibenarkan sama sekali.**
- 7.4 Perihal bayaran di Arahan Pembayaran iGFMS hendaklah mematuhi format berikut:

Kategori	No. Rujukan Invois	Perihal Bayaran yang dicadangkan *
<i>Piecemeal</i> Kontrak/ Gaji	PG/ bulan tahun/ bahagian/ 4 digit terakhir kad pengenalan <u>Contoh:</u> PG042021BES5855	PC Gaji/ 4 digit terakhir kad pengenalan/ gelaran jawatan/ bulan tahun <u>Contoh:</u> PCGaji/5855/PenerbitRancan gan/042021 (46 aksara)

Kategori	No. Rujukan Invois	Perihal Bayaran yang dicadangkan *
<i>Piecemeal</i> Program/ Artis	PC/ bulan tahun/ bahagian/ 4 digit terakhir kad pengenalan <u>Contoh:</u> PC042022BPR6031	PC/ jawatan (dipendekkan)+gred (star/kump a/b/c)/ nama rancangan/ Unit (sama ada tv/radio/berita)/ bilangan hari/ tarikh mula program <u>Contoh:</u> PC/personaliti undgnB/adwa'/radio/65hari/23 042022 (49 aksara)

** PTJ hendaklah mematuhi 50 aksara pertama seperti ditetapkan dalam jadual ini. Perihal selain daripada ketetapan ini adalah dibolehkan dan mengikut keperluan semasa.*

- 7.5 Borang Pergerakan Dokumen (BPD-AP 01) beserta Senarai Semak (Borang Senarai Semak AP 01) hendaklah menggunakan format yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja MPK AP-1 Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan (rujuk **Lampiran B(iii)**).

8. ARAHAN UMUM

8.1 Proses memperakukan dan meluluskan bayaran hendaklah menggunakan token dan Sijil Digital yang sah. Pengurusan dan pengawalan keselamatan tandatangan digital adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562] dan pegawai adalah bertanggungjawab sepenuhnya.

8.2 PTJ adalah bertanggungjawab memastikan pembayaran dilaksanakan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa.

9. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta, dan hendaklah dibaca bersama peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa iaitu Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) serta peraturan kewangan lain yang berkaitan.

10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:


**Seksyen Bayaran
Cawangan Operasi
Bahagian Akaun
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
E-mel: bayaran_jms@kkmm.gov.my**

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized initial 'M' followed by a long horizontal stroke extending to the right.

(DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)

LAMPIRAN A
SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022
KADAR BAYARAN *PIECEMEAL*

LAMPIRAN B
SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022
BORANG-BORANG BERKAITAN PEMBAYARAN *PIECEMEAL*

SENARAI DOKUMEN/ BORANG

BIL.	PERIHAL	NO. RUJUKAN BORANG	CONTOH BORANG SEPERTI DI LAMPIRAN
1.	Borang Tuntutan Bayaran <i>Piecemeal</i>	BPBS 1	B(i)
2.	Borang Senarai Lengkap <i>Piecemeal</i> mengikut Program/ Rancangan	BPBS 2	B(ii)
3.	Borang Pergerakan Dokumen (BPD-AP 01) dan Borang Senarai Semak AP 01	Borang iGFMS	B(iii)

LAMPIRAN B(i)

BPBS 1

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
BORANG TUNTUTAN BAYARAN *PIECEMEAL*
BAGI BULAN _____ TAHUN _____

BUTIRAN PENUNTUT BAYARAN		
Nama <i>piecemeal</i>		
No. Kad Pengenalan <i>piecemeal</i>		
Nama penuntut bayaran sekiranya selain daripada kontrak (AP99(g))	<hanya dilengkapkan bagi <i>piecemeal</i> kanak-kanak tidak mempunyai nombor akaun bank>	
No. Kad Pengenalan penuntut bayaran	<hanya dilengkapkan bagi <i>piecemeal</i> kanak-kanak tidak mempunyai nombor akaun bank>	
Alamat tetap		
No. Telefon Bimbit		
Nama dan No. Akaun Bank*		
e-mel		
Maklumat waris/ orang terdekat untuk dihubungi (sekiranya penuntut gagal dihubungi)	Nama	
	No. Telefon/ Telefon Bimbit	
	e-mel	

* (jika penuntut ialah kanak-kanak yang tidak mempunyai akaun bank, sila nyatakan no. akaun bank ibu/ bapa/ penjaga yang sah)

BUTIRAN KONTRAK/ PROGRAM	
No. Kontrak & Tarikh	
Rancangan/ Program	
Penganjur/ Bahagian	

BUTIRAN TUGASAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN					
*sila catatkan tajuk rancangan, nama lagu, bilangan soalan, tempoh skrip dan lain-lain maklumat berkenaan dengan hasil kerja yang telah dilaksanakan. Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi.					
Bil.	Tugasan/ Jawatan	Tarikh/ Masa (mula dan tamat)	Butiran Kerja Yang Dilaksanakan	Kadar/ Kiraan (RM)	Jumlah Bayaran (RM)
Jumlah (RM) [A]					

Kadar Bayaran lain (jika ada)			
Perihal			Jumlah (RM)
1) Elaun Gantian Makan	Tarikh		
	Masa		
	Kiraan		
2) Elaun Lojing	Tarikh		
	Kiraan		
3) Tambang Teksi/ Pengangkutan	Jarak/ Tempat		
	Kiraan		
Jumlah (RM) [B]			

JUMLAH BAYARAN (RM)	
JUMLAH BESAR (RM) [A] + [B]	
JUMLAH BESAR RM (dalam perkataan) :	

PENGESAHAN PENUNTUT
<p>Saya mengaku bahawa:</p> <p>i) Tuntutan yang dikemukakan adalah benar dan dibuat mengikut kadar yang dipersetujui dalam kontrak bertarikh _____.</p> <p>ii) Dokumen sokongan yang sah dikemukakan seperti senarai semak berlampir.</p> <p>ii) Semua butiran yang dinyatakan adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.</p> <p>..... ()</p> <p>No. Kad Pengenalan: Tarikh :</p>

PENGESAHAN / PERAKUAN JABATAN

Saya mengesahkan bahawa:

- i) Semakan telah dibuat dengan Rekod Kedatangan Kerja dan disahkan bahawa Pekerja Bakat dan Seni yang tersebut di atas iaitu _____, no kad pengenalan _____, no. kontrak _____ telah sebenarnya menjalankan tugas yang dinyatakan atas urusan rasmi Kerajaan pada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas.
- ii) Kiraan amaun yang layak dibayar telah disemak dan didapati betul berjumlah _____.
- iii) Kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh Pekerja Bakat dan Seni seperti di atas adalah ditetapkan mengikut kriteria-kriteria yang diluluskan dan boleh dibayar mengikut kadar yang diluluskan. Rujukan kelulusan kadar ialah bertarikh _____

iv) Penuntut adalah lantikan:

Piecemeal Kontrak/ Gaji

Piecemeal Program/ Artis

v) Penarafan Bintang/ Kategori (Tandakan jika berkaitan)

a) Bintang

 1

 2

 3

 4

 5

b) Kategori

 A

 B

 C

 D

(.....)

Penerbit Rancangan

Tarikh :

Cap Rasmi:

(.....)

Pengurus Bahagian

Tarikh :

Cap Rasmi:

UNTUK KEGUNAAN UNIT PENGURUSAN AM, BAHAGIAN, RTM

Semakan mendapati:

Dokumen Lengkap

Dokumen Tidak Lengkap

Sila kemukakan dokumen berikut:

Lain-lain Kuri

Disemak oleh:

.....
()

Tarikh :

Cap Rasmi:

**Sila kembalikan dokumen yang telah lengkap
sebelum tarikh di bawah**

Tarikh dokumen dikuri dikembalikan

BUTIRAN PEMBAYARAN SEMPURNA (STATUS 80) DI iGFMS

Nombor Arahan Pembayaran : _____

Tarikh : _____

BUTIRAN KEMASKINI SISTEM PENGURUSAN ARTIS BERJADUAL/ PIECEMEAL RTM

Nombor Rujukan : _____

Tarikh kunci masuk : _____

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN TUNTUTAN

	untuk ditanda oleh Penuntut	untuk semakan pejabat
Kategori tuntutan: <i>Piecemeal</i> Kontrak/ Gaji		
1- Surat Pelantikan <i>Piecemeal</i> / Surat Pelanjutan <i>Piecemeal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2- Borang Tuntutan Bayaran <i>Piecemeal</i> (BPBS 1)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3- Salinan Kad Pengenalan (yang jelas dan diakui sah)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4- Salinan akaun bank/ penyata bank terkini (yang diakui sah) (<i>sila pastikan NAMA & NO KAD PENGENALAN di akaun bank/ penyata bank adalah sama dengan maklumat di kad pengenalan</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5- Kad Perakam Waktu/ Penyata Kehadiran/ Jadual Kedatangan (<i>Call Sheet</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6- Surat arahan kerja luar (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kategori tuntutan: <i>Piecemeal</i> Program/ Artis		
1- Borang Kontrak Artis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2- Borang Tuntutan Bayaran <i>Piecemeal</i> (BPBS 1)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3- a) Salinan Kad Pengenalan (yang jelas dan diakui sah)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b) i) Salinan Sijil Kelahiran (bagi kanak-kanak yang belum mempunyai kad pengenalan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ii) Salinan Kad Pengenalan Penjaga yang sah (sekiranya <i>piecemeal</i> kanak-kanak tidak mempunyai akaun bank)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4- a) Salinan akaun bank/ penyata bank terkini (yang diakui sah)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b) Salinan akaun bank/ penyata bank terkini Penjaga (yang diakui sah) - sekiranya <i>piecemeal</i> adalah kanak-kanak dan tidak mempunyai akaun bank, (<i>sila pastikan NAMA & NO KAD PENGENALAN di akaun bank/ penyata bank adalah sama dengan</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5- Surat/ borang perakuan penjaga yang sah (sekiranya pembayaran perlu dibuat kepada penjaga <i>piecemeal</i> kanak-kanak)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6- Jadual Kedatangan (<i>Call Sheet</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7- Salinan keputusan Pihak Berkuasa Melulus dan Jawatankuasa Penilaian RTM (sekiranya kadar bayaran selain daripada kadar yang telah diluluskan) - rujuk WP10.9	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

LAMPIRAN B(ii)

BPBS 2

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
SENARAI LENGKAP *PIECEMEAL* MENGIKUT PROGRAM/ RANCANGAN
 (hanya untuk kategori *Piecemeal* Program/ Artis sahaja)

BUTIRAN PROGRAM/ RANCANGAN	
Tajuk/ Nama Program	
Tarikh Program	
Penganjur/ Bahagian	
Tempat	

SENARAI <i>PIECEMEAL</i> TERLIBAT (sila tambah lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)					UNTUK PEMANTAUAN OLEH UNIT AKAUN RTM
Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	No Kontrak & Tarikh	Amaun Bayaran (RM)	Nombor Arahan Pembayaran IGFMAS & Tarikh
Jumlah (RM)					

PENGESAHAN / PERAKUAN	
<p>Saya memperakukan bahawa <i>piecemeal</i> yang disenaraikan telah menjalankan tugas yang telah ditetapkan dan mematuhi syarat kontrak yang ditandatangani.</p>	
<p>..... () Penerbit Rancangan Tarikh : Cap Rasmi:</p>	<p>..... () Pengurus Bahagian Tarikh : Cap Rasmi:</p>

BPD-AP 01**Pergerakan Modul IGFMAS**

Jenis modul: (tandakan di kotak yang berkenaan)

- | | | |
|---|---|--|
| <input type="checkbox"/> Waran Peruntukan | <input type="checkbox"/> Pesanan Kerajaan | <input type="checkbox"/> Arahan Pembayaran |
| <input type="checkbox"/> Baucar Jurnal | <input type="checkbox"/> Penyata Pemungut | <input type="checkbox"/> ePerolehan |
| <input type="checkbox"/> Perubahan Gaji | <input type="checkbox"/> Penyelarasan Rekod | <input type="checkbox"/> APCT |

Sub Modul :
(sila catitkan sub modul bagi jenis modul yang ditandakan)

Tindakan	Tandatangan Ringkas	Tarikh	No. Rujukan AP
Sedia			
Peraku 1			
Peraku 2			
Batal			

BORANG SENARAI SEMAK

Tahun Kewangan :
 Pejabat Perakaunan :
 Kod Pegawai Pengawal :
 Kod PTJ :
 No Rujukan :

SUB MODUL : PROSES ARAHAN PEMBAYARAN TANPA PESANAN KERAJAAN

Tanda (√)	Bil	Perkara
	1	Prosedur kewangan semasa telah dipatuhi.
	2	Akaun dipertanggungjawabkan diakui sah.
	3	Invois yang telah diperakukan
	4	Butir Akaun Bank yang sah.
	5	Sijil AP 58(a)
	6	Sijil Pendaftaran dengan agensi pusat /Kementerian Kewangan/PKK
	7	Kelulusan daripada Agensi Pusat / Kementerian Kewangan
	8	Dokumen – dokumen lain yang berkaitan

CATATAN :

LAMPIRAN C
SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022
SOALAN LAZIM PEMBAYARAN *PIECEMEAL*

SOALAN LAZIM PEMBAYARAN PIECEMEAL

1. Tempoh perkhidmatan tidak sama seperti di kontrak.

Sekiranya program dibuat melebihi daripada tempoh yang ditetapkan dalam kontrak, tempoh masa tambahan tersebut tidak layak dibayar kecuali terdapat pindaan kontrak yang baharu membatalkan kontrak asal.

2. Tempoh perkhidmatan tidak genap jam

Bagi tempoh yang tidak genap jam, kadar bayaran hendaklah diproratakan.

Contoh:

Artis A yang merupakan penyanyi solo bertaraf 3 bintang dijemput untuk persembahan nyanyian selama 45 minit.

Penyelesaian:

Kadar yang layak dibayar berdasarkan surat kelulusan MOF.PAM.600-29/45/10(20) btkh 24.09.2019 ialah RM1,500 per jam. Maka, bayaran yang layak ialah $RM1,500 / \text{jam} \times (45/60 \text{ minit}) = RM1,125.00$.

3. Penerima bayaran di dokumen pembayaran tidak sama dengan nama di kontrak.

Pembayaran perlu dibuat kepada penerima sebenar dan tidak dibenarkan kepada penerima selain daripada penama di kontrak yang ditandatangani.

Contoh:

Artis B ialah individu yang berkontrak. Artis B merupakan pemilik penuh sebuah Syarikat Produksi B yang sah dan berdaftar dalam negara. Bolehkah pembayaran dibuat ke akaun Syarikat Produksi B bagi kontrak *piecemeal* Artis B memandangkan Artis B juga merupakan pemilik penuh syarikat tersebut?

Penyelesaian:

Tidak boleh kerana Artis B dan Syarikat Produksi B merupakan entiti yang berbeza.

4. Penerima bayaran tidak mempunyai akaun bank.

Pembayaran perlu dibuat kepada penerima sebenar dan tidak dibenarkan kepada penerima selain daripada penama di kontrak yang ditandatangani. Walau bagaimanapun, kelonggaran adalah diberi sekiranya memenuhi ketetapan AP99(g): Pembayaran kepada orang yang lain daripada yang dinamakan dalam Baucar.

Contoh:

Artis C merupakan artis kanak-kanak berusia bawah 12 tahun. Kanak-kanak ini tidak mempunyai akaun bank, sebaliknya menggunakan akaun bank penjaga untuk urusan bayaran.

Penyelesaian:

Bayaran kepada penjaga yang sah dibenarkan dengan syarat penuntut menyertakan surat/ borang perakuan penjaga yang sah.

- 5. Akaun bank *piecemeal* dibekukan atas sebab-sebab tertentu seperti muflis, dalam siasatan SPRM atau perbicaraan mahkamah atau dijatuhkan hukuman penjara.**

Bagi kes yang melibatkan pembekuan akaun bank atas perintah Pihak Berkuasa seperti SPRM, Jabatan Insolvency dan sebagainya, *piecemeal* / waris hendaklah berhubung dengan pihak berkuasa berkenaan bagi mendapatkan surat kebenaran/ pelepasan/ pengecualian yang membolehkan akaun bank digunakan untuk pembayaran melalui *electronic fund transfer* (EFT).

- 6. Penggunaan cek sebagai mod pembayaran.**

Pembayaran *piecemeal* melalui Cek adalah tidak digalakkan. Namun, kaedah pembayaran melalui cek boleh dipertimbangkan dalam keadaan tertentu dan perlu mendapat kelulusan Pejabat Perakaunan masing-masing.

SENARAI EDARAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Penyiaran Malaysia
Wisma TV Angkasapuri
50610 KUALA LUMPUR
[KOD PTJ: 48201020, 48201030, 48201040, 48201050, 48201060, 48201070]

2. Pengarah
Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah
Kompleks Bersepadu
Off Jalan Lintas Kepayan
88200 KOTA KINABALU, SABAH
[KOD PTJ: 48202010]

3. Pengarah
Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak
Bangunan RTM, Jalan P. Ramlee
93614 KUCHING, SARAWAK
[KOD PTJ: 48203010]

4. Pengarah
Jabatan Penyiaran Pulau Pinang
Jalan Burma
10350 PULAU PINANG
[KOD PTJ: 48204010]

5. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Johor
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar
Karung Berkunci 716
80990 JOHOR BAHRU, JOHOR
[KOD PTJ: 48205010]

6. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Terengganu
Peti Surat 63
20914 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
[KOD PTJ: 48206010]

7. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Kedah
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Abdul Halim
KM 3, Jalan Kuala Kedah
05400 ALOR SETAR, KEDAH
[KOD PTJ: 48207010]

8. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Perlis
Tingkat 6, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 KANGAR, PERLIS
[KOD PTJ: 48208010]

9. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Perak
Kompleks Sultan Nazrin Shah
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 IPOH, PERAK
[KOD PTJ: 48209010]

10. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan
Peti Surat 143
15710 KOTA BHARU, KELANTAN
[KOD PTJ: 48210010]

11. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Pahang
Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah
Peti Surat 152
25710 KUANTAN, PAHANG
[KOD PTJ: 48211010]

12. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Melaka
Jalan Taming Sari
75614 MELAKA
[KOD PTJ: 48212010]

13. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Selangor
Selangor FM, Tingkat 2, Bangunan IPPTAR
50614 ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
[KOD PTJ: 48213010]

14. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan
Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad
Lot 24157 Sungai Gadut
71450 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
[KOD PTJ: 48214010]

15. Pengarah

Jabatan Penyiaran Wilayah Persekutuan Labuan
Jalan Tanjung Taras
Peti Surat 81311
87023 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
[KOD PTJ: 48215010]

16. Pengarah

Jabatan Penyiaran Malaysia Langkawi
Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji
07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH
[KOD PTJ: 48216010]